

TEKNIK PENULISAN KARANGAN MUDAH

BENTUK PERENGGAN:

JENIS AYAT	PENDAHULUAN	ISI	PENUTUP
Ayat Topik	Tema	Kehendak Soalan 1 / 2 / 3 / 4	Merumus Kehendak Soalan
Ayat Huraian	Huraian Tema	Huraian Kehendak Soalan	Ulasan Tema
Ayat Contoh	Bukti Huraian Tema	Bukti Kehendak Soalan	Cadangan
Ayat Kesimpulan	Kehendak Soalan	Menegaskan Kehendak Soalan	Harapan

ASPEK SOALAN

- Punca : Faktor / Sebab / Apa / Mengapa
- Langkah Mengatasi : Cara / Strategi / Teknik / Bagaimana / Usaha
- Kesan: Impak / Implikasi / Kebaikan / Kepentingan / Kelebihan / Keburukan.

TEKNIK MENGANALISIS SOALAN KARANGAN

Penggunaan telefon bimbit dalam kalangan masyarakat semakin meluas.

Huraikan kebaikan-kebaikan penggunaan telefon bimbit.

Tema: Penggunaan Telefon Bimbit

Kehendak Soalan : Kebaikan Penggunaan

Format Karangan : Karangan Fakta

TEKNIK MENULIS PENDAHULUAN


Ayat Topik	Penggunaan telefon bimbit sangat meluas secara global
Ayat Huraian	Fungsinya semakin hari semakin canggih
Ayat Contoh	melayari internet, mendengar muzik,kamera
Ayat Rumus	Banyak membawa kebaikan

Pada zaman digital ini, penggunaan telefon bimbit sangat meluas secara global **bagai cendawan tumbuh selepas hujan**. Telefon bimbit bukan lagi sebagai alat perhubungan malah mempunyai pelbagai fungsi yang semakin hari semakin canggih. Antaranya, kita boleh melayari internet, mendengar muzik,kamera dan sebagainya. Hal ini banyak membawa kebaikan kepada masyarakat zaman sekarang.

TEKNIK 4 BUCU IHCK (PERENGGAN ISI KARANGAN)

* Murid dapat mengarang isi karangan dengan mudah.

FORMULA - I H C K



IDEA UTAMA: apa? Memudahkan komunikasi antara manusia.	HURAIAN: mengapa/bagaimana? Boleh menghubungi seseorang pada bila-bila masa dan dimana sahaja kita berada. Penggunaanya sangat meluas.
KESIMPULAN: Jelaslah di sini, penggunaan telefon bimbit merupakan sebuah sistem komunikasi manusia yang mudah dan berkesan.	CONTOH: Mempunyai kemudahan 'sms' whatsapp, telegram, facebook. Kosnya kurang daripada telefon biasa.



Antara kebbaikannya, penggunaan telefon bimbit memudahkan komunikasi antara manusia. Kita boleh menghubungi seseorang pada bila-bila masa dan di mana-mana kita berada. Penggunaannya juga sangat bukan sahaja di dalam negara malah di seluruh dunia. Hal ini demikian kerana telefon bimbit mempunyai kemudahan seperti 'sms', 'mms', 'whatsapp', telegram, facebook dan sebagainya. Tambahan pula kos penggunaannya juga kurang berbanding dengan telefon biasa. Jelaslah di sini, penggunaan telefon bimbit merupakan sebuah sistem komunikasi manusia yang mudah dan berkesan.

TEKNIK MENULIS PERENGGAN PENUTUP

Ayat Topik	Berfaedah kepada sesiapa sahaja
Ayat Huraian	Telefon bimbit dianggap sebagai keperluan berisiko
Ayat Contoh	Satu keperluan yang tidak boleh diabaikan
Ayat Kesimpulan	Bijak menggunakannya - agar tidak membawa kemudharatan

Kesimpulannya, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan masyarakat sangat berfaedah kepada sesiapa sahaja. Namun begitu, semakin tinggi teknologi maklumat berkembang, semakin berisiko nyawa manusia di ambang kemajuan era globalisasi. Telefon bimbit sudah dianggap sebagai barangan yang dikategorikan sebagai keperluan yang berisiko. Walau bagaimanapun, telefon bimbit dianggap satu keperluan yang tidak boleh diabaikan. Oleh itu, kita perlu bijak menggunakan telefon bimbit agar tidak membawa kemudharatan.

SEKIAN. TERIMA KASIH.

**BUATLAH KEBAIKAN HARI INI KERANA HARI ESOK
BELUM TENTU HADIR.**

**LOVE
-CIKGU HIKMAH-**